

YAYASAN ISLAM KELANTAN
KELANTAN ISLAMIC FOUNDATION

Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan,
Peti Surat 248, Lebuhraya Tunjung - Pasir Mas,
16010 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.
Tel : 09-712 6315, 712 6933 & 712 8144
09-712 6040 (Lembaga Peperiksaan) Fax : 09-712 7806
E-mel : yik@kelantan.gov.my Laman Web : www.yik.edu.my



المؤسسة الإسلامية بـكـلـنـتـان

كومفليك س فينتادبيران يايسن اسلام كلنتن،
فتي سورت ٢٤٨، ليوبهراي تونجوغ - فاسير مس،
١٦٠١٠ كوتا بهارو، كلنتن دارول نعيم.
تيليفون: ٠٩-٧١٢٦٣١٥، ٧١٢٦٩٣٣ & ٧١٢٨١٤٤
٠٩-٧١٢٧٨٠٦: فاكس (لمباك ففريقسان) ٠٩-٧١٢٦٠٤٠
ايميل: yik@kelantan.gov.my لامن ويب: www.yik.edu.my

Ruj Kami : YIK 400-3/2/2 (88)
Bertarikh : 18 Januari 2022
Bersamaan : 15 Jamadilakhir 1443

Sebagaimana >> Senarai Edaran<<

Tuan

BORANG KAJIAN PASARAN
PEKELILING KEWANGAN YIK BIL 2/2022.

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikembalikan Borang Kajian Pasaran dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 2 Tahun 2019 mengenai pindaan peraturan Kaedah Perolehan Kerajaan.

3. Sehubungan dengan itu Unit-Unit yang berkaitan dengan Perolehan (Perkhidmatan / Bekalan / Kerja) hendaklah melaksanakan Kajian Pasaran bagi kaedah perolehan secara **pembelian terus (RM10,000 – RM20,000)** serta mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini sebelum proses perolehan dilaksanakan.

Di atas perhatian dan kerjasama tuan terlebih dahulu diucapkan terima kasih.

Sekian.

“ RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
‘ MEMBANGUN BERSAMA ISLAM’ –KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN’
‘ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030’

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI ENSKU RAJHAN BIN ENSKU ISMAIL)
Pegarah
Yayasan Islam Kelantan

BORANG KAJIAN PASARAN

1. Sila tandakan (√) pada jenis perolehan yang berkaitan:

(i) Jenis Perolehan

Perkhidmatan

Bekalan

Kerja

(ii) Kaedah Perolehan

Pembelian Terus (RM 10,000 – RM 20,000)

2. Perihal Perolehan: _____

3. Jumlah Anggaran Perolehan:

Bil	Jenis Bekalan/Perkhidmatan/Kerja	Kuantiti	Anggaran Harga Jabatan	
			Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
JUMLAH BESAR				

** Sekurang-kurangnya tiga (3) Tawaran Harga.

* Sila guna lampiran jika perolehan melibatkan pelbagai item.

4. Sumber Anggaran Harga Jabatan:

Kaedah	Sila tandakan (√)	Harga seunit (RM)
Laman Web/ Katalog eP		
Harga belian terdahulu		
Lain-lain		

Dokumen sokongan kajian pasaran (anggaran harga jabatan) hendaklah dilampirkan.

5. Pemilihan Pembekal:

Pembekal	Harga Tawaran (RM)	Tandakan (√) satu (1) tawaran yang dipilih	
		Penyedia	Peraku
1			
2			
3			
4			
5			

Catatan (Sekiranya ada):

Perakuan: Kami mengesahkan semua maklumat di atas adalah benar. Kami mengakui bahawa telah melaksanakan kajian pasaran dan memilih pembekal yang paling menguntungkan Jabatan.

Penyedia:

Peraku:

Nama: _____

Nama: _____

Tarikh: _____

Tarikh: _____

Jawatan dan Gred: _____

Jawatan dan Gred: _____



**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2019**

Semua Ketua Jabatan
Semua Pusat Tanggungjawab

KAJIAN PASARAN BAGI PEROLEHAN SEHINGGA RM10,000.00

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menerangkan perubahan peraturan perolehan bagi mempercepatkan proses perolehan.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Tujuan utama kajian pasaran adalah untuk memastikan perolehan yang hendak dilaksanakan adalah paling sesuai dan menguntungkan dengan mengambil kira aspek kualiti dan harga.
- 2.2 Memandangkan kajian pasaran ini mengambil masa yang agak lama serta kesukaran mendapatkan sebutharga atau *quotation* daripada pembekal, Kerajaan telah bersetuju untuk melonggarkan nilai perolehan bagi tujuan kajian pasaran.

3.0 PINDAAN

- 3.1 pindaan peraturan ini melibatkan perenggan 5(vi) i.b Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 iaitu Kaedah Perolehan Kerajaan seperti berikut:

	Lama	Pindaan/(Baru)
1.	Kajian pasaran dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.	Kajian pasaran daripada pembekal dikecualikan bagi nilai perolehan sehingga RM10,000.00. Manakala perolehan lebih daripada RM10,000.00 perlu mendapatkan sekurang-kurangnya tiga tawaran harga daripada pembekal tempatan.

4.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 Oktober 2019.

5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.
- 5.2 Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliiling ini dipatuhi. Peruntukan surat pekeliiling ini juga dipanjangkan kepada penerimaan oleh Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' AHMAD ROBERT BIN ABD. RAHIM, D.P.S.K. (Kelantan)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN

3 Oktober 2019

s.k.

YB Dato' Kaya Setia
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan